


# MyINOVASI 2014



## > PENGENALAN

Pertandingan pertama kali diperkenalkan pada 2012 dan dikenali sebagai Pertandingan Memasyarakatkan Inovasi Pelajar IPT. Program ini bertujuan menguji kemahiran mahasiswa dalam membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar IPT seluruh negara. Pada 2014 ini, sejumlah RM353,000 akan diperuntukkan sebagai geran hadiah pertandingan dan masih mengekalkan tema Inovasi Berbudhi Masyarakat Lestari menuntut pelajar mencari satu penyelesaian atau cabaran yang dijana dari sesebuah masyarakat dan mencadangkan satu idea inovasi yang dapat menyelesaikan dan memberi manfaat kepada masyarakat tersebut.

## > OBJEKTIF

Pertandingan ini menetapkan enam objektif utama iaitu:

- Membolehkan pelajar mengembang daya kreativiti dan inovasi melalui pertandingan inovasi dan kreativiti
- Memberi impak dan manfaat secara langsung kepada masyarakat dan industri
- Memupuk keupayaan bekerja secara berkumpulan
- Menanam sifat keprihatinan kepada keperluan masyarakat sekitar
- Memupuk budaya berdaya saing dan kelestarian inovasi pelajar
- Menggalakkan pelajar membentuk jaringan strategik melalui perkongsian bestari dengan pelbagai organisasi awam dan swasta



PESERTA dari UTM Skudai, Jacquelyn Liang (kiri) bersama kumpulan.



PAMERAN MyINOVASI 2014 terima ramai pengunjung.



MARY Yap semasa lawatan memerhati produk peserta.



PESERTA menerangkan produk Self Standing Hose kepada Mary Yap.

## Memupuk budaya daya saing

**Putrajaya:** Penganjuran MyINOVASI 2014 dapat menonjolkan bakat serta idea menarik dalam kalangan belia terutama dari penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Malah, pertandingan itu juga seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan yang mahu menjadikan IPT sebagai pusat kecermerlangan ilmu bertaraf dunia serta memiliki penuntut yang berinovasi dalam setiap apa yang dilakukan.

Timbalan Menteri Pendidikan I Datuk Mary Yap Kain Ching berkata,

melalui pertandingan itu, ia dapat mencungkil bakat dan kreativiti yang ada pada setiap penuntut.

Katanya, selain itu pertandingan ini juga dapat melihat apa yang dipelajari sepanjang pengajian diterapkan dalam tugas diberikan.

"Selain menggunakan kaedah pembelajaran, mereka juga dapat membantu masyarakat dengan produk yang dihasilkan.

"Kebanyakan produk yang dihasilkan mempunyai potensi untuk diketengah dan dikomersialkan, malah ada antara idea yang diberikan pelajar nampak kecil, namun sangat berguna,"katanya dalam sidang

media Majlis Kemuncak Nasional Pertandingan MyINOVASI 2014, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Siti Hamisah Tapsir dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Aseh Che Mat.



NIZA dari IPG Kampus Kent, Tuaran Sabah, menunjukkan power grip pencil.